



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

30 JANUARI 2024 (SELASA)

Dua Pemandu Lori, Seorang Kelindan Didenda Seludup Kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	30 Jan



Mereka didakwa memindahkan haiwan dari Thailand yang dimasukkan ke dalam guni menggunakan lori tanpa Perakuan Kebenaran Pindah dan Perakuan Kesihatan Veterinar daripada Pengarah JPV Terengganu atau pegawai yang diberi kuasa olehnya. - Gambar/ Bernama

SETIU: Dua lelaki masing-masing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret, di sini hari ini selepas mengaku bersalah menyeludup 78 ekor kambing tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada tahun lepas.

Majistret Ainis Abu Hassan Shaari menjatuhkan hukuman itu terhadap pemandu lori Muhammad Hafihizam Idris, 30, serta kelindan Mohamad Sharif Abd Rahman, 23, dan mengarahkan mereka dihukum penjara 10 bulan jika

gagal membayar denda.

Mahkamah juga mengarahkan 78 ekor kambing jantan bernilai RM22,951.20 itu dilucutkan hak dan menjadi hasil kerajaan.

Mereka didakwa memindahkan haiwan dari Thailand yang dimasukkan ke dalam guni menggunakan lori tanpa Perakuan Kebenaran Pindah dan Perakuan Kesihatan Veterinar daripada Pengarah JPV Terengganu atau

pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di tepi jalan di Kampung Penarik, di sini pada 7.50 malam, 13 Dis lepas.

Bagi kesalahan itu, mereka didakwa mengikut perenggan 4 (1) (c) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Hawar Berdarah Negeri Terengganu 2023, yang jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman denda maksimum RM15,000 mengikut subseksyen 36 (7) akta sama.

Sementara itu, dalam prosiding berasingan seorang pemandu lori, Mohd Farhan Ab Rahim, 36, didenda RM8,000 atau penjara lapan bulan oleh mahkamah sama setelah mengaku bersalah atas kesalahan serupa melibatkan 49 ekor kambing betina bernilai RM13,160.

Kesemua kambing itu menjadi hasil kerajaan setelah dilucutkan hak oleh mahkamah.

Mohd Farhan didakwa memindahkan kesemua kambing dari negara itu di tepi Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu berhadapan Mahkamah Setiu pada 8.45 malam, 12 Julai lepas.

Kedua-dua prosiding dikendalikan Pegawai Pendakwa JPV Terengganu, Mohd Shahihan Mohd Tahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Kes itu terbongkar hasil risikan JPV Terengganu susulan aduan penjualan kambing murah atau 'kambing viral' yang dibawa masuk ke Malaysia secara haram.-BERNAMA

Seludup Kambing, Dua Lelaki Didenda RM20,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	30 Jan



Pegawai JPV Terengganu menasihati Muhammad Hafihnazam (kiri) dan Mohammad Sharif selepas mereka didenda RM10,000 atas kesalahan menyeludup 78 ekor kambing di Mahkamah Majistret Setiu hari ini.

SETIU – Gara-gara menyeludup 78 ekor kambing jantan pada bulan lalu, dua lelaki masing-masing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini.

Majistret Ainis Abu Hassan Shaari menjatuhkan hukuman demikian selepas Muhammad Hafihnazam Idris, 30, dan Mohammad Sharif Abd. Rahman, 23, membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Beliau memerintahkan dua Orang Kena Saman (OKS) itu

dipenjarakan 10 bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan dan mengarahkan hasil jualan 78 kambing jantan bernilai RM22,951.20 berkenaan dilucutkan hak sebagai hasil kerajaan.

Berdasarkan pertuduhan, mereka didakwa memindahkan 78 kambing bernilai keseluruhan RM22,951.20 tanpa perakuan kebenaran pindah dan kesihatan veterinar daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu.

Muhammad Hafihnazam dan Mohammad Sharif didakwa memasukkan setiap seekor kambing itu ke dalam guni sebelum memindahkannya dengan menggunakan sebuah lori jenis Isuzu.

Perbuatan OKS didakwa dilakukan di tepi jalan Kampung Penarik di sini pada pukul 7.50 petang, 13 Disember 2023.

Kosmo! 15 Disember 2023 melaporkan JPV Terengganu berjaya mematahkan cubaan menyeludup 78 ekor kambing dipercayai dari negara jiran
.-[KOSMO! ONLINE](#)

Dua Lelaki Didenda RM10,000 Seludup 78 Ekor Kambing Jantan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	30 Jan



Ketiga-tiga tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Majistret Setiu pada Isnin atas dakwaan menyeludup dan memindahkan kambing dalam kejadian pada Julai dan September tahun lalu.

SETIU - Dua lelaki masing-masing didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret Setiu di sini pada Isnin selepas mengaku salah menyeludup 78 ekor kambing jantan pada 13 Disember tahun lalu.

Hukuman itu diputuskan Majistret Aini Abu Hassan Shaari selepas tertuduh, Muhammad Hafihizam Idris, 30, dan Mohammad Sharif Abd Rahman, 23, mengaku bersalah menyeludup haiwan ternakan bernilai RM22,951.20 yang dipercayai dibawa masuk dari Thailand.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan 78 kambing yang dimasukkan ke dalam guni setiap seekor menggunakan lori jenis Isuzu tanpa memiliki Perakuan Kebenaran Pindah dan Perakuan Kesihatan Veterinar daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu atau pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tepi jalan, Kampung Penarik di Permaisuri di sini sekitar jam

7.50 petang.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut perenggan 4(1)(c) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Hawar Berdarah bagi (Negeri Terengganu) (Tr.P.U.1) 2023 dan boleh dihukum mengikut Subseksyen 36 (7) akta sama yang membawa denda maksimum RM15,000.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjarakan 10 bulan jika gagal menjelaskan denda tersebut serta hasil jualan kambing jantan itu dilucutkan hak menjadi hasil kerajaan.

Sementara itu, di mahkamah sama, seorang pemandu lori didenda RM8,000 selepas mengaku bersalah atas kesalahan memindahkan 49 ekor kambing betina disyaki dari Thailand bernilai RM13,160 tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Farhan Ab Rahim, 36, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan ke atasnya dibacakan dihadapan Majistret Ainis Abu Hassan Shaari.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan 49 ekor kambing betina tanpa kebenaran bertulis yang sah

daripada Pengarah JPV Negeri Terengganu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tepi Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu berhadapan Mahkamah Setiu, Setiu, Terengganu, di sini, kira-kira jam 8.45 malam pada 12 Julai tahun lalu.

Pendakwaan dilakukan mengikut Perenggan i (b) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku Dan Mulut Dan Hawar Berdarah bagi Negeri Terengganu yang diwartakan di bawah Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum mengikut Subseksyen 36(7) akta sama yang membawa denda maksimum RM15,000.

Mahkamah turut memerintahkan hasil jualan kambing betina bernilai RM13,160 itu dilucutkan hak menjadi hasil kerajaan.

Tertuduh turut berdepan hukuman penjara 8 bulan sekiranya gagal menjelaskan denda tersebut.

Prosiding pendakwaan kedua-dua kes itu dikendalikan Pegawai Pendakwa JPV, Mohd Shahihan Mohd Tahar sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Dua kes berkenaan terbongkar hasil risikan

dibuat penguat kuasa JPV Terengganu susulan aduan penjualan kambing murah atau dikenali dengan 'kambing viral' yang mana dibawa masuk dari Thailand ke Malaysia secara haram.

Pemandu, Kelindan Lori Didenda RM10,000 Seludup 78 Kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	30 Jan



Mohd Shahihan (kiri) bersama tertuduh, Hafihnazam (kanan), Sharif (dua dari kanan) serta Farhan selepas mereka membayar denda di Mahkamah Majistret Setiu. FOTO Nurul Fatihah Sulaini

Setiu: Seorang pemandu serta kelindan lori didenda RM10,000 setiap seorang oleh Mahkamah Majistret Setiu, di sini, hari ini atas pertuduhan menyeludup 78 kambing jantan bernilai RM22,951.20 tahun lalu.

Majistret Ainis Abu Hassan Shaari membuat keputusan itu selepas pemandu, Muhammad Hafihnazam Idris, 30, dan kelindan lori, Mohammad Sharif Abd Rahman, 23, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Jika gagal bayar dua tertuduh berkenaan turut berdepan

hukuman penjara 10 bulan.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa memindahkan 78 kambing dipercayai dari Thailand yang dimasukkan ke dalam guni dengan menggunakan lori jenis Isuzu tanpa memiliki Perakuan Kebenaran Pindah dan Perakuan Kesihatan Veterinar daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu atau pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di tepi jalan,

Kampung Penarik, di Permaisuri, Setiu, jam 7.50 malam pada 13 Disember 2023.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut perenggan 4(1)(c) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Hawar Berdarah bagi (Negeri Terengganu) (Tr.P.U.1) 2023 dan boleh dihukum mengikut Subseksyen 36 (7) akta sama yang membawa denda maksimum RM15,000.

Mahkamah turut memerintahkan hasil jualan 78 kambing jantan bernilai RM22,951.20 dilucutkan hak menjadi hasil kerajaan.

Sementara itu, di mahkamah yang sama seorang pemandu lori didenda RM 8,000 selepas mengaku bersalah atas kesalahan memindahkan 49 kambing betina disyaki dari Thailand bernilai RM13,160 tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), tahun lalu.

Mohd Farhan Ab Rahim, 36, mengaku bersalah terhadap pertuduhan dibacakan kepadanya.

Selain itu mahkamah turut menjatuhkan hukuman penjara lapan bulan sekiranya tertuduh gagal

menjelaskan denda itu.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di tepi Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu berhadapan Mahkamah Setiu, Setiu, Terengganu, di sini, kira-kira pukul 08.45 malam pada 12 Julai 2023.

Tertuduh didakwa mengikut Perenggan i (b) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku Dan Mulut Dan Hawar Berdarah bagi Negeri Terengganu yang diwartakan di bawah Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum mengikut Subseksyen 36(7) akta sama yang membawa denda maksimum RM15,000.

Mahkamah turut memerintahkan hasil jualan 78 kambing jantan bernilai RM22,951.20 dan 49 kambing betina bernilai RM13,160 dilucutkan hak menjadi hasil kerajaan.

Pendakwaan dijalankan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu Mohd Shahihan Mohd Tahar, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.-[MyMETRO](#)

Tiga Lelaki Mengaku Salah Seludup Kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Terkini	Online	30 Jan



MUHAMMAD Hafihnazam Idris (kanan), Mohammad Sharif Abd. Rahman (tengah) dan Mohd. Farhan Ab. Rahim (dua, kiri) selepas keluar Mahkamah Majistret Setiu di Setiu hari ini. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

SETIU: Tiga lelaki mengaku salah menyeludup kambing disyaki dari Thailand dalam dua kes berasingan di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Dalam kes pertama, dua lelaki didenda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret selepas mengaku salah menyeludup 78 ekor kambing yang bernilai RM22,951.20 pada Disember tahun lalu.

Majistret Ainis Abu Hassan Shaari menjatuhkan hukuman itu selepas Muhammad

Hafihnazam Idris, 30, dan Mohammad Sharif Abd. Rahman, 23, mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut.

Berdasarkan pertuduhan, kedua-dua lelaki itu didakwa memindahkan 78 kambing yang dimasukkan ke dalam guni setiap ekor dengan menggunakan lori jenis Isuzu tanpa memiliki Perakuan Kebenaran Pindah dan Kesihatan Veterinar daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu atau

pegawai yang diberi kuasa olehnya.

Kesalahan itu dilakukan di tepi jalan di Kampung Penarik, di Permaisuri, Setiu, pada pukul 7.50 petang pada 13 Disember 2023 tahun lalu.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut perenggan 4(1)(c) Perintah Menteri Besar bagi Kawalan Penyakit Kuku dan Mulut dan Hawar Berdarah bagi (Negeri Terengganu) (Tr.P.U.1) 2023 dan boleh dihukum mengikut Subseksyen 36 (7) akta sama yang membawa denda maksimum RM15,000.

Sementara itu, dalam kes kedua pula seorang pemandu lori didenda RM 8,000 oleh Mahkamah Majistret atas kesalahan yang sama.

Mohd. Farhan Ab. Rahim, 36, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Ainis.

Tertuduh didakwa memindahkan 49 ekor kambing betina disyaki dari Thailand bernilai RM13,160 tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), tahun lalu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di tepi Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu berhadapan Mahkamah Setiu, di sini kira-kira pukul 08.45 malam pada 12 Julai 2023.

Kedua-dua prosiding pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Mohd. Shahihan Mohd. Tahar manakala tertuduh tidak diwakili peguam. –
UTUSAN

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR